



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka
Jalan Istana, Bukit Beruang
75450 Melaka

Pejabat Am : 06-2323777
: 06-2323778
: 06-2323779
Email : jnmmelaka@moe.gov.my

Rujukan Kami : JPNM.SPBM.PBM.600-11/2/1 Jld.51 (34)
Tarikh : 3 Mac 2025

Pengarah Urusan,
Ardent Educational Consultants Sdn. Bhd.,
100-1, Jalan 2/23A, Off Jalan Genting Klang,
53300 Kuala Lumpur.

Tuan,

KEBENARAN PERTANDINGAN KANGAROO MATH, KANCIL SCIENCE, BEAVER COMPUTATIONAL, ECONOMICS EXPLORER, EARTH EXPLORER, GALAXY EXPLORER, LANGUAGE EXPLORER, GEOGRAPHY EXPLORER, BIOLOGY EXPLORER TAHUN 2025 ANJURAN ARDENT EDUCATIONAL CONSULTANTS SDN. BHD.

Dengan segala hormatnya, surat tuan yang bertarikh 19 Februari 2025 adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Jabatan Pendidikan Negeri Melaka (JPN Melaka) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak tuan. Pihak JPN Melaka sentiasa mengalu-alukan kerjasama dengan agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam pembangunan kokurikulum di negeri ini.

3. Sehubungan dengan itu, pihak JPN Melaka mengambil maklum akan permohonan tuan serta **tiada halangan** bagi penglibatan guru dan murid untuk menyertai **Pertandingan Kangaroo Math, Kancil Science, Beaver Computational, Economics Explorer, Earth Explorer, Galaxy Explorer, Language Explorer, Geography Explorer, Biology Explorer Tahun 2025** yang akan diadakan pada **31 Januari hingga 31 Oktober 2025**. Walau bagaimanapun, pihak JPN Melaka ingin menarik perhatian tuan bahawa pelaksanaan aktiviti berkenaan hendaklah memenuhi syarat serta mematuhi :

- 3.1 **Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) KPM Bil. 7/1988 dan SPI KPM Bil. 8/1995** Penyertaan Pelajar Dalam Pertandingan atau Kejohanan Sukan anjuran Persatuan atau Badan Induk Sukan;
- 3.2 **SPI KPM Bil. 8/2009** Langkah-langkah Keselamatan Semasa Mengikuti Aktiviti / Program Lawatan Di Luar Waktu Persekolahan;
- 3.3 **SPI KPM Bil. 5/2018** Garis Panduan Perwakilan Kuasa daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia;
- 3.4 **SPI KPM Bil. 9/2023** Garis Panduan Lawatan Murid Sekolah Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Mulai Tahun 2023;
- 3.5 **SPI KPM Bil. 5/2016** Panduan Keselamatan Semasa Pengajaran Pendidikan Jasmani & Kesihatan serta Kegiatan Kokurikulum Dan Sukan Di Dalam dan Di Luar Kawasan Sekolah;
- 3.6 **Surat Siaran KPM Bil. 2/2010** Garis Panduan Pelaksanaan Program Pendidikan (Kokurikulum) Tajaan Agensi Luar; dan
- 3.7 **Surat Siaran KPM Bil. 2/2016** Peringatan Pelaksanaan Bekerja Lima Hari Seminggu.

4. Perkara yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti berikut :
 - 4.1 Pihak penganjur hendaklah mendapatkan kebenaran / persetujuan daripada Pengetua / Guru Besar sekolah;
 - 4.2 Semua murid terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada guru besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
 - 4.3 Penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa / penjaga;
 - 4.4 Pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;
 - 4.5 Surat kebenaran / kelulusan ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
 - 4.6 Penyertaan murid tidak mengganggu atau menjejaskan waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP);
 - 4.7 Pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
 - 4.8 Pihak penganjur bertanggungjawab menguruskan insuran kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua murid yang terlibat;
 - 4.9 Sekiranya sekolah yang dijemput mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak penganjur perlu memberikan laluan murid yang terlibat untuk mengikuti program sekolah;
 - 4.10 Guru pengiring hendaklah dilantik oleh pihak sekolah mengiringi murid ke pertandingan / program berkenaan walaupun ibubapa mengiringi anaknya;
 - 4.11 Sekiranya cuaca buruk seperti hujan lebat, petir atau angin kencang dan suhu bertambah panas, pihak pengelola perlu menangguhkan atau membatalkan pertandingan / program pada hari tersebut dan pastikan murid berteduh di tempat yang selamat;
 - 4.12 Murid yang menyertai program ini dan mematuhi syarat yang ditetapkan oleh pihak penganjur, hendaklah diberi sijil penyertaan / pencapaian;
 - 4.13 Selaras dengan pelaksanaan Pendidikan Sivik yang sedang berkuat kuasa di semua sekolah rendah dan menengah di bawah KPM, pihak penganjur dimohon agar memastikan kesedaran sivik dan amalan murni dapat dijadikan sebagai salah satu perkara wajib dilaksanakan sebelum / semasa / selepas program berlangsung seperti gotong-royong membersihkan kawasan (sekiranya program dilaksanakan secara bersemuka);
 - 4.14 Pihak penganjur dimohon mengemukakan **satu salinan laporan setiap program yang dijalankan beserta surat iringan (format seperti Lampiran A)** kepada Unit Pembangunan Bakat Murid, JPN Melaka dalam **tempoh 30 hari** selepas tamat program bagi tujuan pengiktirafan program dan pemarkahan kokurikulum;

4.16 **Sebarang penggunaan logo JPN Melaka dan KPM adalah tidak dibenarkan** selagi tiada permohonan rasmi daripada penganjur. Pihak **PENGANJUR** perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo JPN Melaka dan KPM melalui **Unit Komunikasi Korporat, KPM** sekurang-kurangnya sebulan sebelum penggunaan logo dan penggunaan terhad bagi program yang hanya melibatkan murid dan guru sekolah di bawah KPM. Logo ini hanya boleh dipamerkan pada sijil dan *banner* sahaja dan tidak dibenarkan untuk tujuan mendapatkan tajaan atau lain-lain yang bertujuan komersil

dan

4.17 JPN Melaka berhak menarik balik surat kelulusan / kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa.

5. Untuk makluman tuan, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Melaka sedang berusaha untuk Melindungi Masa Instruksional (MMI), masa pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid, oleh yang demikian kami mencadangkan **supaya penglibatan murid dan guru diadakan di luar waktu PdP agar tidak menjejaskan waktu pengajaran dan pembelajaran murid dan dilaksanakan diluar waktu persekolahan atau pada hari Sabtu yang dibenarkan sahaja**. Selain itu, jika program terpaksa dilakukan dalam waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP), **PGB hendaklah memastikan guru yang diberikan kebenaran hadir disediakan guru ganti "relief"**.

6. Kelulusan ini hanya untuk perkara yang dipohon sahaja dan luput selepas tarikh **31 Oktober 2025**. Sebarang pertanyaan, sila hubungi **Encik Khairul Shukry bin Wahled, Penolong Pengarah, Unit Pembangunan Bakat Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Melaka** di talian **06-232 7427 / 017-690 9823**.

Kerjasama dan keprihatinan tuan di dalam hal ini didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"

"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"

Saya yang menjalankan amanah,


(HAJI JAMSARI BIN MARIMAN)
Timbalan Pengarah Pendidikan,
Sektor Pembangunan Murid.
b.p. Pengarah Pendidikan,
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka.

s.k 1. Fail Penyelaras

JM/ksw/UPBM/kebenaran